

12/05/2002

Ahli MCA boleh tarik balik pencalonan

KUALA LUMPUR: Pemimpin dan ahli MCA yang sudah membuat pencalonan untuk pemilihan peringkat bahagian pada Selasa dan Rabu ini boleh menarik balik pencalonan mereka demi kestabilan serta kedamaian parti.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata tindakan itu tidak melanggar Perlembagaan MCA memandangkan Jawatankuasa Pusat (CC) parti sudah bersetuju membenarkan pencalonan ditarik balik bagi mencapai matlamat agenda perdamaian dan kestabilan.

Beliau berkata, 76 peratus daripada 166 bahagian berjaya mencapai matlamat kekal tanpa bertanding sementara 24 peratus lagi menghadapi persaingan.

Bagaimanapun, katanya, daripada 24 peratus itu, 80 hingga 90 peratus bahagian hanya mengalami persaingan di satu atau dua jawatan.

"Hanya enam bahagian yang menghadapi persaingan sengit bagi hampir semua jawatan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota ketiga lebih dua jam di Wisma MCA di sini, semalam.

Beliau berkata, pemimpin pusat akan terus mengadakan perbincangan dengan pemimpin negeri dan bahagian untuk memujuk calon menarik diri daripada pemilihan parti pada Selasa dan Rabu ini.

Katanya, pihaknya yakin boleh mengurangkan peratusan bahagian yang menghadapi persaingan demi mencapai matlamat agenda kestabilan dan perdamaian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada 23 April lalu, dua kumpulan bertelagah dalam MCA bersetuju untuk mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat hingga 2005.

Kesepakatan itu dicapai sebagai menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Dr Mahathir bagi mengakhiri kemelut kepemimpinan MCA yang berlarutan sejak lebih dua tahun lalu.

Mengenai keputusan pencalonan semalam, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata: "Ia hampir sama dengan apa yang kita jangkakan sebelum ini."

Ditanya jika pihaknya gagal memujuk calon untuk menarik diri daripada pemilihan pada Selasa dan Rabu ini, katanya, pihaknya akan menangani masalah itu apabila tiba masanya.

Mengenai keputusan pencalonan semalam apabila Selangor mencatat jumlah persaingan tertinggi iaitu lapan daripada 17 bahagian, beliau berkata, Selangor adalah negeri kompetitif dan persaingan bukannya sesuatu yang tidak sihat.

Katanya, mereka yang ingin menarik balik pencalonannya boleh berbuat demikian dengan menulis surat kepada bahagian berkenaan atau Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti sebelum pemilihan diadakan.

(END)